

## Wang Tidak Dituntut mencecah RM3.4 bilion

**Kuala Lumpur:** Jumlah tuntutan semula Wang Tidak Dituntut (WTD) terkumpul mencecah RM3.4 bilion sehingga 31 Mei lalu, dengan bilangan permohonan meningkat dua kali ganda berbanding tempoh sama 2022.

Menurut Kementerian Kewangan (MoF), pertambahan jumlah permohonan itu menunjukkan peningkatan kesedaran rakyat ke atas wang tak dituntut.

"Baki WTD sehingga 31 Mac lalu RM11 bilion dan sehingga 31 Mei berjumlah RM11.5 bilion."

"Serahan WTD yang diterima pada 2023 sehingga 31 Mei adalah RM1.3 bilion, meningkat 18 peratus berbanding tempoh sama 2022," menurut MoF.

MoF memberi penjelasan berkenaan dalam jawapan bertulis bagi pertanyaan lisan sidang Dewan Rakyat pada 13 Jun, yang disiarkan di laman sesawang Parlimen, kelmarin.

Kementerian itu menjawab soalan Datuk Ahmad Amzad Mohamed @ Hashim (PN-Kuala Terengganu) yang ingin tahu sejauh mana usaha kerajaan untuk memastikan orang awam menuntut semula WTD dan bagaimana kerajaan menggunakan faedah yang diperoleh sebanyak RM250 juta hasil pelaburan WTD dalam simpanan tetap.

Menurut MoF, peningkatan tuntutan semula adalah disebabkan pelaksanaan operasi penguatkuasaan pematuhan Akta Wang Tak Dituntut 1965 ke atas syarikat dan firma di seluruh negara.

BERNAMA